

**PANDUAN PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN DI
BAWAH JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN
CUKAI PERKHIDMATAN 1975.**

(versi baru: 11 November 2013)

KUMPULAN A : HOTEL

SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI HOTEL (KUMPULAN A, JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)

Mana-mana orang yang mengendalikan satu hotel atau lebih, mana-mana satu hotel yang mempunyai lebih daripada 25 bilik tidak termasuk asrama bagi institusi pendidikan dan asrama yang ditubuh dan diselenggarakan oleh institusi atau badan agama.

HOTEL		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1(a)	Penyediaan bilik bagi tempat menginap atau tempat tidur yang disediakan oleh hotel, motel, <i>inn</i> , <i>resthouse</i> , <i>resort</i> , dan lain-lain yang mempunyai 26 bilik dan ke atas .	Bercukai
(b)	Penyediaan bilik bagi tempat menginap atau tempat tidur yang disediakan oleh <i>homestay</i> dan chalet yang mempunyai 26 unit dan ke atas . <i>Nota: Penyediaan bilik beserta dengan kelengkapan yang disediakan dalam bilik berkenaan seperti penghawa dingin, tuala, pengering rambut, sabun, syampu dan seumpamanya.</i>	Bercukai
2	Bayaran deposit bagi tempahan bilik penginapan, bilik mesyuarat dan lain-lain yang tidak dijadikan sebahagian daripada bayaran perkhidmatan.	Tidak Bercukai
3	<i>Complimentary room.</i>	Dikecualikan mulai 1 Jun 2003
4	<i>Serviced apartment</i> yang diurus oleh hotel atau mana-mana operator yang mempunyai 26 unit dan ke atas.	Bercukai

HOTEL		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
5	Fi pembatalan tempahan bilik penginapan.	Tidak Bercukai
6	Penyediaan atau jualan makanan, minuman atau tembakau.	Bercukai
7	Perkhidmatan dalam bentuk “ <i>corkage</i> ”, <i>towel charge</i> ”, atau “ <i>cover charge</i> ”.	Bercukai
8	Penyediaan premis bagi mesyuarat termasuk apa-apa majlis atau perhimpunan; atau bagi promosi pertunjukan kebudayaan atau fesyen.	Bercukai
9	Perkhidmatan kesihatan. Contoh : urut badan, urut kaki, spa (sauna selain <i>portable sauna</i>).	Bercukai
10	Perkhidmatan urut yang disediakan oleh kedai gunting rambut, salon rambut dan salon kecantikan.	Tidak Bercukai
11	Perkhidmatan gimnasium yang disediakan oleh pusat kesihatan.	Tidak Bercukai
12	Perkhidmatan ruang letak kereta jika bayaran dikenakan.	Bercukai
13	Perkhidmatan <i>valet</i> (upah kepada <i>jockey</i> yang menjaga kenderaan) sekiranya upah tidak di akaunkan sebagai pendapatan syarikat.	Tidak Bercukai

HOTEL		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
14	Bayaran perkhidmatan <i>valet</i> yang diakaunkan sebagai pendapatan syarikat.	Bercukai
15	Perkhidmatan padang golf atau lapangan sasaran golf iaitu fi padang hijau, kedi, sewaan <i>golf buggy</i> atau <i>turfmate</i> , sewaan peralatan golf, fi tetamu, fi jurulatih, fi ketidakhadiran, fi kemasukan pertandingan, fi perlawanan, caj elektrik bagi golf malam, fi golf malam, caj bola golf atau bola lapangan sasaran, sewaan kasut golf dan yuran.	Bercukai
16	Perkhidmatan sewaan premis seperti kolam renang yang dikenakan bayaran, gelanggang tenis, sewaan <i>camping site</i> dan seumpamanya.	Tidak Bercukai
17	Perkhidmatan dobi dan jualan barang selain daripada makanan, minuman dan tembakau.	Tidak Bercukai
18	Jualan makanan, minuman dan tembakau di kedai dalam hotel yang dimiliki dan dikendalikan oleh operator hotel yang di lesenkan di bawah ACP 1975.	Bercukai
19	Jualan makanan, minuman dan tembakau di kedai runcit (<i>convenience shop</i>) dalam hotel yang dikendalikan oleh orang selain operator hotel yang di lesenkan di bawah ACP 1975.	Tidak Bercukai
20	Perkhidmatan teksi limousin yang disediakan oleh hotel.	Tidak bercukai
21	<i>Service charge</i> yang dikenakan untuk diagihkan kepada pekerja.	Tidak bercukai

HOTEL		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
22	Penyediaan bilik bagi tempat menginap atau tempat tidur berdasarkan konsep "sewaan rumah", yang disewakan secara bulanan melalui perjanjian.	Tidak Bercukai
23	Penyediaan bilik penginapan 26 bilik dan ke atas untuk tujuan latihan pelajar (hotel simulasi) dimana bayaran dikenakan.	Bercukai

**KUMPULAN B1 : RESTORAN YANG TERLETAK DALAM HOTEL YANG
MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA 25 BILIK**

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI RESTORAN YANG
TERLETAK DALAM HOTEL YANG MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA 25 BILIK
(KUMPULAN B1, JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI
PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang mengendalikan satu restoran, bar, snek-bar, rumah kopi atau mana-mana tempat yang menyediakan makanan, minuman atau keluaran tembakau, samada dimakan kesemuanya di dalam tempat yang menyediakan atau sebahagiannya dibawa pulang, yang terletak dalam suatu hotel sebagaimana yang disebut di bawah Kumpulan A Jadual ini.

RESTORAN DALAM HOTEL		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
1	Penyediaan atau jualan makanan, minuman atau keluaran tembakau.	Bercukai
2	Penyediaan perkhidmatan dalam bentuk <i>corkage</i> , <i>towel charge</i> , atau <i>cover charge</i> .	Bercukai
3	Penyediaan ruang letak kereta untuk kenderaan bermotor jika bayaran meletak dikenakan.	Bercukai
4	Perkhidmatan <i>valet</i> (upah kepada <i>jockey</i> yang menjaga kenderaan).	Tidak Bercukai
5	Bayaran upah kepada <i>jockey</i> yang memberi perkhidmatan <i>valet</i> yang tidak diasingkan dari caj parkir.	Bercukai
6	Penyediaan premis bagi mesyuarat termasuk apa-apa majlis atau perhimpunan; atau bagi promosi pertunjukan kebudayaan atau fesyen.	Bercukai
7	Penyediaan perkhidmatan katering di dalam atau di luar hotel.	Bercukai

**KUMPULAN B2 : RESTORAN YANG TERLETAK DALAM HOTEL YANG
MEMPUNYAI 25 BILIK ATAU KURANG**

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI RESTORAN YANG
TERLETAK DALAM HOTEL YANG MEMPUNYAI 25 BILIK ATAU KURANG
(KUMPULAN B 2, JADUAL KEDUA, KUMPULAN G, PERATURAN-PERATURAN
CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang mengendalikan satu restoran, bar, snek-bar, rumah kopi atau mana-mana tempat yang menyediakan makanan, minuman atau keluaran tembakau, samada dimakan kesemuanya di dalam tempat yang menyediakan atau sebahagiannya dibawa pulang, yang jumlah perolehan (threshold) tahunan, samada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM300,000.00.

RESTORAN DALAM HOTEL (25 BILIK ATAU KURANG)		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
1	Penyediaan atau jualan makanan, minuman atau keluaran tembakau.	Bercukai
2	Penyediaan perkhidmatan dalam bentuk <i>corkage</i> , <i>towel charge</i> , atau <i>cover charge</i> .	Bercukai
3	Penyediaan ruang letak kereta untuk kenderaan bermotor jika bayaran meletak dikenakan.	Bercukai
4	Perkhidmatan <i>valet</i> (upah kepada <i>jockey</i> yang menjaga kenderaan).	Tidak Bercukai
5	Bayaran upah kepada <i>jockey</i> yang memberi perkhidmatan <i>valet</i> yang tidak diasingkan dari caj parkir.	Bercukai
6	Penyediaan premis bagi mesyuarat termasuk apa-apa majlis atau perhimpunan; atau bagi promosi pertunjukan kebudayaan atau fesyen.	Bercukai
7	Penyediaan perkhidmatan katering dalam atau luar hotel.	Bercukai

KUMPULAN C : RESTORAN YANG TERLETAK DI LUAR HOTEL

SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI RESTORAN YANG TERLETAK DI LUAR HOTEL (JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)

Mana-mana orang yang mengendalikan satu restoran, bar, snek-bar, rumah kopi atau mana-mana tempat yang menyediakan makanan, minuman atau keluaran tembakau, sama ada dimakan kesemuanya di dalam tempat yang menyediakannya atau sebahagiannya dibawa pulang, yang jumlah perolehan jualan tahunan, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM3,000,000.00.

RESTORAN LUAR HOTEL		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
1	Penyediaan atau jualan makanan, minuman atau keluaran tembakau.	Bercukai
2	Penyediaan perkhidmatan dalam bentuk <i>corkage</i> , <i>towel charge</i> , atau <i>cover charge</i> .	Bercukai
3	Penyediaan ruang letak kereta untuk kenderaan bermotor jika bayaran meletak dikenakan.	Bercukai
4	Perkhidmatan <i>valet</i> (upah kepada <i>jockey</i> yang menjaga kenderaan).	Tidak Bercukai
5	Bayaran upah kepada <i>jockey</i> yang memberi perkhidmatan <i>valet</i> yang tidak diasingkan dari caj parkir.	Bercukai
6	Penyediaan premis bagi mesyuarat termasuk apa-apa majlis atau perhimpunan; atau bagi promosi pertunjukan kebudayaan atau fesyen.	Bercukai
7	Penyediaan perkhidmatan katering dalam atau luar premis.	Bercukai

RESTORAN LUAR HOTEL		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
8	Penyediaan perkhidmatan katering sahaja (tanpa restoran)	Tidak bercukai
9	Kantin atau premis yang menyediakan atau menjual makanan, minuman atau keluaran tembakau yang terletak dalam kawasan institusi pendidikan.	Tidak bercukai
10	Kantin yang beroperasi di Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN).	Bercukai
11	Kantin atau premis yang menyediakan atau menjual makanan, minuman atau keluaran tembakau yang dikendalikan oleh suatu institusi agama atau badan agama.	Tidak bercukai

KUMPULAN D : KELAB MALAM, DEWAN TARI-MENARI, KABARET, PUSAT KESIHATAN, RUMAH URUT, RUMAH AWAM DAN RUMAH BIR.

SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI KELAB MALAM, DEWAN TARI-MENARI, KABARET, PUSAT KESIHATAN, RUMAH URUT, RUMAH AWAM DAN RUMAH BIR (JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)

Mana-mana orang yang mengendalikan mana-mana –

- i. Kelab malam,
- ii. Dewan tari menari,
- iii. Kabaret,
- iv. Pusat kesihatan atau rumah urut yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan atau didaftarkan secara sah, dan jika berkenaan, yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan dan didaftar secara sah,
- v. Tempat yang dilesenkan di bawah perenggan (a) atau (b) subseksyen (1) seksyen 35 Akta Eksais 1976 dan yang dinyatakan dalam lesen dalam perenggan (1) Peraturan 9 Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan *Liquor* Yang Memabukkan) 1977 sebagai Rumah Awam Kelas Pertama, Kelas Kedua atau Kelas Ketiga atau Rumah Bir Kelas Pertama atau Kelas Kedua.

PREMIS MENJUAL MINUMAN YANG MEMABUKKAN/PUSAT KESIHATAN/RUMAH URUT		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
1(a)	Penyediaan atau penjualan makanan, minuman atau keluaran tembakau.	Bercukai
(b)	Penyediaan perkhidmatan katering sahaja.	Tidak Bercukai
2	Penyediaan teman menari atau teman sosial.	Bercukai
3	Penyediaan perkhidmatan dalam bentuk <i>corkage</i> , <i>towel charge</i> atau <i>cover charge</i> .	Bercukai

PREMIS MENJUAL MINUMAN YANG MEMABUKKAN/PUSAT KESIHATAN/RUMAH URUT		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
4	Penyediaan perkhidmatan urut oleh rumah urut yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau yang didaftarkan secara sah.	Bercukai
5	Perkhidmatan urut yang disediakan oleh pusat kesihatan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan atau berdaftar secara sah.	Bercukai
6	Penyediaan perkhidmatan urut yang disediakan oleh pusat urut yang dimiliki dan diusahakan oleh Orang Kurang Upaya Penglihatan. Pusat urut tersebut hendaklah berdaftar /bernaung di bawah <i>Malaysia Association for the Blind</i> .	Dikecualikan mulai 1.4.2010.
7	Penyediaan premis bagi mesyuarat termasuk apa-apa majlis atau perhimpunan; atau bagi promosi pertunjukkan kebudayaan atau fesyen.	Bercukai
8	Penyediaan ruang letak kereta untuk kenderaan bermotor jika bayaran dikenakan.	Bercukai
9	Perkhidmatan <i>valet</i> (upah kepada <i>jockey</i> yang memberi perkhidmatan <i>valet</i>).	Tidak Bercukai
10	Bayaran upah kepada <i>jockey</i> yang memberi perkhidmatan <i>valet</i> yang tidak diasingkan dari caj parkir.	Bercukai
11	Penyediaan atau penjualan minuman yang memabukkan di premis yang dilesenkan di bawah Seksyen 35 (1)(a) dan (b) Akta Eksais 1976.	Bercukai

KUMPULAN E : KELAB PERSENDIRIAN

SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI KELAB PERSENDIRIAN (JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)

Mana-mana orang yang mengendalikan satu kelab persendirian atau lebih dan yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM300,000.00 bagi mana-mana satu perkhidmatan yang kena dibayar cukai atau lebih yang disebut dalam Kumpulan ini.

Nota: Mana-mana kelab persendirian yang mempunyai padang golf, lapang sasaran golf atau perkhidmatan berkaitan dengan golf yang mempunyai jualan tahunan kurang daripada RM300,000.00 hendaklah dilesenkan dibawah kumpulan E1.

KELAB PERSENDIRIAN		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
1(a)	Penyediaan atau penjualan makanan, minuman atau keluaran tembakau.	Bercukai
(b)	Penyediaan perkhidmatan katering sahaja.	Tidak Bercukai
(c)	Penyediaan makanan, minuman atau keluaran tembakau oleh operator restoran yang bukan operator kelab.	Bercukai jika mencapai threshold RM3 juta
2	Penyediaan perkhidmatan dalam bentuk <i>corkage</i> , <i>towel charge</i> atau <i>cover charge</i> .	Bercukai
3	Penyediaan ruang letak kereta untuk kenderaan bermotor jika bayaran meletak dikenakan.	Bercukai
4	Perkhidmatan <i>valet</i> (upah kepada <i>jockey</i> yang memberi perkhidmatan <i>valet</i>).	Tidak Bercukai

KELAB PERSENDIRIAN		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
5	Bayaran upah kepada <i>jockey</i> yang memberi perkhidmatan <i>valet</i> yang tidak diasingkan dari caj parkir.	Bercukai
6	Penyediaan premis bagi mesyuarat termasuk apa-apa majlis atau perhimpunan; atau bagi promosi pertunjukan kebudayaan atau fesyen.	Bercukai
7	Penyediaan perkhidmatan sukan atau rekreasi.	Bercukai
8	Yuran menggunakan perkhidmatan sukan atau rekreasi (subscription fee).	Bercukai
9	Bayaran atau yuran pendaftaran (membership entrance fees, term fee untuk tujuan keahlian bagi satu tempoh terhad , membership fee)	Tidak Bercukai
10	Yuran/caj bulanan yang dikenakan kepada ahli kelab untuk penyediaan makanan dan minuman.	Bercukai
11	Penyediaan perkhidmatan urut badan.	Bercukai
12	Penyediaan perkhidmatan urut oleh rumah urut yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan atau yang didaftarkan secara sah.	Bercukai
13	Penyediaan perkhidmatan urut yang disediakan oleh pusat urut yang dimiliki dan diusahakan oleh Orang Kurang Upaya Penglihatan. Pusat urut tersebut hendaklah berdaftar /bernaung di bawah <i>Malaysia Association for the Blind</i> .	Dikecualikan mulai 1/4/2010

KELAB PERSENDIRIAN		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
14	Penyediaan bilik bagi tempat menginap atau tidur.	Bercukai
15	Aktiviti permainan mahjong	Bercukai
16	Penyediaan padang golf, lapangan sasaran golf atau perkhidmatan yang berkaitan dengan golf atau lapangan sasaran golf, iaitu - 1 'padang hijau' / pas bermusim; 2 kedi; 3 sewaan 'golf buggy' / 'turfmate'; 4 sewaan peralatan golf; 5 tetamu; 6 permainan percuma; 7 jurulatih; 8 ketidakhadiran; 9 kemasukan pertandingan; 10 perlawanan; 11 eletrik untuk golf malam; 12 golf malam; 13 bola latihan atau bola lapangan sasaran; 14 sewaan kasut golf; 15 yuran.	Bercukai

**KUMPULAN E1 : PADANG GOLF DAN LAPANGAN SASAR GOLF SELAIN
DARIPADA DALAM KUMPULAN A DAN E**

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI PADANG GOLF DAN
LAPANGAN SASAR GOLF SELAIN DARIPADA DALAM KUMPULAN A DAN E
(JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

- i. Mana-mana orang yang mengendalikan mana-mana kelab persendirian yang mempunyai jumlah jualan perolehan tahunan RM300,000.00 atau kurang
- ii. Hotel yang mempunyai 25 bilik atau kurang.
- iii. Mana-mana orang selain daripada Kumpulan A dan E yang mengendalikan padang golf atau lapangan sasaran golf.

PADANG GOLF DAN LAPANGAN SASAR		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
1	Penyediaan padang golf lapangan sasaran golf atau perkhidmatan yang berkaitan dengan golf atau lapangan sasaran golf, iaitu - 1. padang hijau / pas bermusim; 2. kedi; 3. sewaan '<i>golf buggy</i>' / '<i>turfmate</i>'; 4. sewaan peralatan golf; 5. tetamu; 6. permainan percuma; 7. jurulatih; 8. ketidakhadiran; 9. kemasukan pertandingan; 10. perlawanan; 11. elektrik untuk golf malam; 12. golf malam; 13. bola latihan atau bola lapangan sasaran; 14. sewaan kasut golf; 15. yuran.	Bercukai
2	Penyediaan perkhidmatan kedi oleh pemegang lesen kepada pemain golf dimana kedi dibekalkan oleh pihak ketiga (bukan pemegang lesen).	Bercukai

PADANG GOLF DAN LAPANGAN SASAR		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
3	Penyediaan kemudahan <i>buggy</i> dan <i>practice range balls</i> oleh pemegang lesen yang disewa daripada syarikat lain.	Bercukai

KUMPULAN F : HOSPITAL PERSENDIRIAN.

SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI HOSPITAL PERSENDIRIAN (JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)

Mana-mana orang yang mengendalikan satu hospital persendirian atau lebih yang dilesenkan di bawah Akta Hospital Persendirian 1971 dan yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan, samada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM300,000.00 bagi mana-mana satu perkhidmatan yang kena dibayar cukai atau lebih yang disebut dalam Kumpulan ini.

HOSPITAL PERSENDIRIAN		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
1	Penyediaan bilik bagi tempat menginap atau tempat tidur.	Bercukai
2	Penyediaan katil tambahan termasuk katil tambahan untuk bayi (<i>bassinet</i>).	Bercukai
3	Penyediaan atau jualan makanan atau minuman dalam wad.	Bercukai
4(a)	Penyediaan atau jualan makanan atau minuman yang disediakan oleh hospital.	Bercukai
(b)	Penyediaan atau jualan makanan atau minuman yang disediakan oleh operator kantin (yang berlainan entiti) terletak dalam hospital sekiranya mencapai <i>threshold</i> RM3,000,000.00	Bercukai
5	Perkhidmatan perundingan perubatan/ kaunseling, pengambilan darah tali pusat (<i>stem cell</i>), penyimpanan darah tali pusat dan <i>kryo-preservation</i> .	Tidak Bercukai
6	Penyediaan perkhidmatan caj mana-mana bilik termasuklah ICU/CCU.	Bercukai

HOSPITAL PERSENDIRIAN		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
7	Penyediaan perkhidmatan ujian darah, ujian makmal, X-ray dan lain-lain.	Tidak Bercukai
8	Penyediaan “ <i>recovery room</i> ” sebelah bilik pembedahan untuk pesakit selepas pembedahan yang digunakan atas dasar sementara pesakit sedar dan berehat yang diawasi sepenuhnya oleh pegawai perubatan.	Tidak Bercukai

KUMPULAN G : PENYEDIA PERKHIDMATAN LAIN

SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI INSURANS (SUBTAJUK 1, BUTIRAN 1, JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)

Mana-mana orang yang ialah sebuah syarikat insurans yang berdaftar di bawah undang-undang yang relevan pada masa ini berkuatkuasa.

INSURANS		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Penyediaan semua jenis polisi insurans kepada semua pertubuhan perniagaan.	Bercukai
2	Pemindahan hak milik i. Pemunya polisi individu memindahkan hak polisi individunya kepada organisasi perniagaan (tanpa mengira sebab). ii. Pemunya polisi individu memindahkan hak polisi individunya kepada bank atau institusi kewangan sebagai cagaran/jaminan. iii. Pemunya polisi individu yang mewakili organisasi perniagaan memindahkan hak polisi individunya kepada bank atau institusi kewangan sebagai cagaran/jaminan. iv. Hak polisi <i>keyman</i> dipindah kepada orang ketiga (kepada sesiapa yang bukan <i>keyman</i>). v. Hak polisi <i>keyman</i> dipindahkan kepada <i>keyman</i> itu sendiri dan premium dibayar oleh syarikat.	Bercukai Tidak bercukai Bercukai Bercukai Bercukai
3	Penyediaan polisi insurans individu yang dibayar oleh syarikat.	Bercukai

INSURANS		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	Cth: Perkhidmatan insurans kepada <i>keyman</i> oleh pertubuhan perniagaan. Nota: <i>"Keyman Insurance is an insurance policy taken out by a business to compensate that business for financial losses that would arise from the death or extended incapacity of member of the business specified on the policy".</i>	
4 (a)	Penyediaan <i>Investment Linked Single Premium Policy</i> atas nama individu dan premium dibayar oleh individu.	Tidak bercukai
(b)	Penyediaan <i>Investment Linked Single Premium Policy</i> kepada syarikat bagi melindungi kepentingan <i>director/manager</i> syarikat dimana premium dibayar oleh syarikat.	Bercukai
5	Perkhidmatan insurans kepada individu.	Tidak Bercukai
6(a)	Insurans melindungi harta dalam Malaysia.	Bercukai
(b)	Insurans melindungi harta di luar Malaysia.	Tidak Bercukai
7(a)	Penyediaan polisi insurans kepada <i>joint management council</i> yang mewakili pemilik bangunan perniagaan/pejabat/kedai.	Bercukai
(b)	Penyediaan polisi insurans kepada <i>joint management council</i> yang mewakili pemilik rumah kediaman/rumah pangsa/apartment/ kondominium.	Tidak Bercukai
8	Perkhidmatan insurans yang dibayar oleh syarikat untuk kakitangan syarikat. Nota: <i>Cukai perkhidmatan tidak dikenakan apabila majikan memindah milik polisi itu kepada pekerjaanya sebagai</i>	Bercukai

INSURANS		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	<i>individu dimana premium dibayar oleh individu. (Biasanya berlaku apabila pekerja tidak lagi bekerja dengan majikan tersebut.)</i>	
9	Penyediaan polisi insurans atas nama individu yang didaftarkan sebagai <i>sole proprietor</i> atau <i>partnership</i> .	Bercukai
10	i) Penyediaan polisi insurans untuk melindungi risiko yang berhubung dengan pengangkutan antarabangsa barang-barang: • dari sesuatu tempat di luar Malaysia ke sesuatu tempat di luar Malaysia, • dari sesuatu tempat di dalam Malaysia ke sesuatu tempat di luar Malaysia, • dari sesuatu tempat di luar Malaysia ke sesuatu tempat di dalam Malaysia. ii) Penyediaan polisi insurans untuk melindungi risiko yang berhubungan dengan pengangkutan barang-barang dalam Malaysia yang merupakan sebahagian daripada pengangkutan barang dari/ke luar negara yang disediakan oleh penyedia yang sama.	Tidak Bercukai Tidak Bercukai
11	Perkhidmatan insurans kepada syarikat perniagaan bagi melindungi barang-barang yang dijual kepada pelanggan dalam tempoh jaminan asal dan tempoh jaminan lanjutan.	Bercukai
12(a)	Polisi insurans yang dikeluarkan atas nama individu dan premium dibayar oleh individu berkenaan yang kemudiannya dicagarkan kepada bank atau institusi kewangan bagi menjamin pinjaman.	Tidak Bercukai
(b)	Polisi insurans yang dikeluarkan atas nama individu dan premium dibayar oleh individu berkenaan yang kemudiannya dicagarkan kepada pemegang amanah, badan kebajikan atau persatuan selagi premium insurans tersebut masih dibayar oleh	Tidak Bercukai

INSURANS		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
(c)	pemegang polisi individu dan memberi kepentingan individu. Pemunya polisi individu memindahkan hak polisi individu kepada bank atau institusi kewangan atau syarikat sebagai cagaran/ jaminan bagi sesuatu pinjaman (tanpa mengira jenis pinjaman termasuklah pinjaman perseorangan atau pinjaman perumahan) dimana individu tersebut mewakili organisasi perniagaan (sole proprietorship atau partnership).	Bercukai
13	Penyediaan polisi insurans kredit eksport kepada pengeksport tempatan, bank atau pelabur untuk melindungi risiko di luar Malaysia yang berhubungan dengan pengeksportan barang-barang, perkhidmatan atau pelaburan. <i>Nota :</i> <i>Penyediaan insurans kepada pengeksport tempatan/dalam negara atas risiko yang wujud di luar negara berkaitan dengan perlindungan pengeksportan barangan dan perkhidmatan.</i>	Tidak Bercukai
14	Polisi insurans kepada institusi pendidikan atau sesuatu pertubuhan badan agama. <i>Nota:</i> <i>Pertubuhan badan agama bukan pertubuhan perniagaan di bawah Jadual Kedua ,ACP 1975.</i>	Tidak Bercukai
15	Penyediaan perkhidmatan polisi insurans berkaitan dengan operasi carigali minyak di dalam Malaysia termasuk <i>offshore</i>.	Bercukai

INSURANS		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
16	Penyediaan polisi insuranss bagi perlindungan risiko projek di <i>Joint Development Area</i> (JDA).	Akta Cukai Perkhidmatan 1975 tidak terpakai di JDA

SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI KOMUNIKASI (SUBTAJUK 1, BUTIRAN 2, JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)

Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan komunikasi yang berdaftar di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dalam [Akta 588] atau dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) 2000.

KOMUNIKASI		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Perkhidmatan telekomunikasi dalam bentuk telefon, faksimili, telemail, <i>paging</i> atau telefon selular (<i>prepaid</i> / <i>postpaid</i>), <i>teleks</i> , perkhidmatan lebar jalur (<i>bandwith</i>) atau perkhidmatan nilai ditambah seperti di Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975.	Bercukai
2	Penyediaan perkhidmatan <i>bandwith</i> (litar suwa / ISDN / rangkaian penghantaran data) digunakan untuk infrastruktur, penjualan semula atau internet.	Dikecualikan cukai (Dengan syarat memohon pengecualian daripada Menteri Kewangan)
3	Penyediaan perkhidmatan <i>domestic roaming</i> .	Bercukai
4(a)	Perkhidmatan telefon awam yang menggunakan kad dan kad kredit.	Bercukai
(b)	Penggunaan telefon awam yang menggunakan syiling.	Dikecualikan cukai
5	Perkhidmatan <i>Voice Over Internet Protocol</i> (VOIP).	Tidak bercukai
6	Perkhidmatan internet. Contoh: Tmnet Streamyx.	Tidak bercukai

KOMUNIKASI		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
7	Perkhidmatan <i>Web Hosting</i> atau <i>Server Co-Location</i> .	Tidak bercukai
8	Yuran langganan atas perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar.	Bercukai
9	Perkhidmatan penyiaran television melalui internet (IPTV).	Tidak Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN KATEGORI EJEN PENGHANTAR (SUBTAJUK I,
BUTIRAN 4 DAN 5, JADUAL KEDUA, KUMPULAN G, PERATURAN-
PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang diberikan kebenaran untuk bertindak sebagai seorang ejen bagi menjalankan urusan berhubungan dengan import atau eksport apa-apa barang atau bagasi di bawah seksyen 90 Akta Kastam 1967.

Mana-mana orang yang dilesenkan di bawah seksyen 65 atau 65E Akta Kastam 1967 dan diberikan kebenaran untuk bertindak sebagai seorang ejen bagi menjalankan urusan berhubungan dengan import atau eksport apa-apa barang atau bagasi yang disimpan dalam gudang berlesen atau depot pelepasan pedalaman berkenaan.

EJEN PENGHANTARAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1(a)	Perkhidmatan dokumentasi untuk pelepasan kastam kecuali manifes.	Bercukai
(b)	Perkhidmatan dokumentasi manifes.	Tidak Bercukai
2	Pengendalian (<i>Handling/ Forwarding fee</i>).	Bercukai
3	Kehadiran bagi pemeriksaan kastam.	Bercukai
4	Kehadiran untuk sil kastam.	Bercukai
5	Perkhidmatan EDI yang disediakan kepada pelanggan dalam zon bebas.	Dikecualikan (mulai 1 April 2010)
6	Kerja lebih masa berkaitan dengan pelepasan barangan daripada kawalan kastam	Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN KATEGORI KAD KREDIT ATAU KAD CAJ
(SUBTAJUK I, BUTIRAN 6, JADUAL KEDUA, KUMPULAN G, PERATURAN-
PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan menyediakan perkhidmatan kad kredit atau kad caj melalui pengeluaran kad kredit atau kad caj.

PENGELUAR KAD KREDIT/KAD CAJ		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Penyediaan perkhidmatan kad kredit atau kad caj melalui pengeluaran kad kredit utama, kad caj utama, kad kredit tambahan atau kad caj tambahan sama ada bayaran dikenakan atau tidak.	Bercukai
2	Penyediaan perkhidmatan kad caj yang dikeluarkan oleh syarikat minyak kepada dan untuk kegunaan kenderaan kerajaan Malaysia.	Tidak Bercukai
3	Penyediaan perkhidmatan kad caj bagi tujuan pembayaran oleh tenaga kerja, pelajar-pelajar atau anggota-anggota kelab di premis tempat kerja, institusi pendidikan, kelab golf atau kelab sukan yang mana berkenaan.	Tidak Bercukai
4	Penyediaan perkhidmatan <i>virtual credit card</i> dan <i>virtual supplementary credit card</i> .	Bercukai
5	Penyediaan perkhidmatan <i>corporate fleet card</i> (kad caj) untuk pembelian minyak kenderaan.	Bercukai

SENARAI PERKHIDMATAN KATEGORI RUANG LETAK KERETA (SUBTAJUK II, BUTIRAN 2, JADUAL KEDUA, KUMPULAN G, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)

Mana-mana orang, agensi kerajaan atau agensi separuh kerajaan yang mengendalikan atau menyediakan satu ruang letak kenderaan bermotor atau lebih yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM150,000.00 bagi mana-mana satu perkhidmatan yang kena dibayar cukai atau lebih yang disebut dalam kumpulan ini .

RUANG LETAK KERETA UNTUK KENDERAAN BERMOTOR		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Penyediaan ruang letak kereta untuk kenderaan bermotor jika bayaran dikenakan.	Bercukai
2	Perkhidmatan <i>valet</i> (upah kepada <i>jockey</i> yang memberi perkhidmatan <i>valet</i>).	Tidak bercukai
3	Bayaran upah kepada <i>jockey</i> yang memberi perkhidmatan <i>valet</i> yang tidak diasingkan dari caj parkir.	Bercukai
4	Kompaun yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan atas kelewatan/kegagalan membayar parkir.	Tidak bercukai
5	Orang yang mengendalikan perkhidmatan ruang letak kereta untuk kenderaan bermotor berbayar di tempat kediaman seperti di pangsapuri, kondominium dan lain-lain.	Bercukai
6	Ruang letak kereta untuk kenderaan bermotor yang berbayar disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti DBKL, Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan lain-lain.	Bercukai

RUANG LETAK KERETA UNTUK KENDERAAN BERMOTOR		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
7	Penyediaan ruang letak kereta untuk kenderaan bermotor yang diberi secara percuma.	Tidak Bercukai
8	Ruang meletak motorsikal sekiranya dikenakan bayaran.	Tidak Bercukai
9	Pengendalian ruang letak kereta yang dipajakan oleh penyedia ruang letak kereta (PBT) kepada syarikat yang memungut bayaran parkir.	Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI KURIER KIRIMAN CEPAT
(SUBTAJUK II, BUTIRAN 3, KUMPULAN G, JADUAL KEDUA, PERATURAN-
PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan kiriman cepat yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM150,000.00 bagi mana-mana satu perkhidmatan yang kena dibayar cukai atau lebih yang disebut dalam kumpulan ini.

Ruj:Wikipedia

A courier is a person or a company who deliver messages, packages and mail. Couriers are distinguished from ordinary mail services by features such as speed, security, tracking, signature, specialization and individualization of services.

PERKHIDMATAN KIRIMAN CEPAT		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Penyediaan perkhidmatan pengiriman cepat bagi dokumen atau bungkusan yang tidak melebihi 30 kg setiap satu di dalam Malaysia.	Bercukai
2(a)	Penyediaan perkhidmatan pengiriman cepat bagi dokumen atau bungkusan dari satu tempat dalam Malaysia ke satu tempat di luar Malaysia yang disediakan oleh syarikat kurier yang sama.	Tidak Bercukai
(b)	Penyediaan perkhidmatan pengiriman cepat bagi dokumen atau bungkusan dari satu tempat di luar Malaysia ke satu tempat di dalam Malaysia juga disediakan oleh syarikat kurier yang sama.	Tidak Bercukai
(c)	Penyediaan perkhidmatan pengiriman cepat bagi dokumen atau bungkusan dari satu tempat di luar Malaysia ke satu tempat di luar Malaysia (transit) juga disediakan oleh syarikat kurier yang sama.	Tidak Bercukai

PERKHIDMATAN KIRIMAN CEPAT		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
3	Penyediaan Perkhidmatan Pengiriman Cepat bagi dokumen atau bungkusan dari satu tempat dalam Malaysia ke satu tempat di luar Malaysia yang tidak disediakan oleh syarikat kurier yang sama. <u>Contoh 1</u> Syarikat kurier A dalam Malaysia menghantar bungkusan dari Kota Bharu ke KLIA. Syarikat kurier B menghantar bungkusan tersebut dari KLIA ke London. Perkhidmatan kurier A Perkhidmatan kurier B <u>Contoh 2</u> Syarikat kurier C dari luar Malaysia menghantar bungkusan dari Libya ke KLIA. Syarikat kurier D menghantar bungkusan tersebut dari KLIA ke Perlis. Perkhidmatan Kurier C Perkhidmatan Kurier D	Bercukai Tidak Bercukai Tidak Bercukai Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI PUSAT SERVIS ATAU
PUSAT MEMBAIKI KENDERAAN BERMOTOR (SUBTAJUK II, BUTIRAN 4,
KUMPULAN G, JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI
PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang mengendalikan satu pusat servis atau pusat membaiki kenderaan bermotor atau lebih, atau kedua-dua pusat itu yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM150,000.00 bagi mana-mana satu perkhidmatan yang kena dibayar cukai atau lebih yang disebut dalam Kumpulan ini.

Nota: Seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987: "Kenderaan motor ertinya kenderaan daripada apa-apa perihalan, yang didorongi oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan, termasuklah treler".

PUSAT SERVIS ATAU PUSAT MEMBAIKI KENDERAAN BERMOTOR		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Penyediaan servis am.	Bercukai
2	Upah perkhidmatan membaiki dan menala enjin.	Bercukai
3	Upah perkhidmatan menukar, menyesuaikan dan memasang alat ganti.	Bercukai
4(a)	Perkhidmatan mengimbangi dan penjajaran roda (<i>balancing and alignment</i>) tanpa pembelian tayar.	Bercukai
(b)	Perkhidmatan mengimbangi dan penjajaran roda (<i>balancing and alignment</i>) yang diberi percuma apabila membeli tayar.	Tidak Bercukai
5	Perkhidmatan membaiki, mengetuk dan memeteri badan kereta termasuk upah ubahsuai.	Bercukai

PUSAT SERVIS ATAU PUSAT MEMBAIKI KENDERAAN BERMOTOR		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
6 (a)	Kenderaan belum berdaftar yang perlu melalui pembaikan sebelum dijual ataupun di panggil <i>pre-delivery inspection</i> (PDI)” (PDI dibuat di kilang pemasangan).	Tidak Bercukai
(b)	Penyediaan perkhidmatan PDI oleh pusat servis kenderaan kepunyaan pengedar kereta kepada loji pemasangan (entiti berasingan).	Bercukai
7	Servis/penyelenggaraan ke atas pengangkutan udara, pengangkutan air, keretapi, dll.	Tidak Bercukai
8(a)	Servis kenderaan milik syarikat pelesen sendiri untuk tujuan demonstrasi (uji pandu).	Tidak Bercukai
(b)	Servis kenderaan milik syarikat pelesen sendiri. Kenderaan ini didaftarkan atas nama syarikat untuk kegunaan pengarah dan pengurusnya.	Tidak Bercukai
9	Perkhidmatan menyimen dan mengecat semula tidak termasuk kos cat.	Bercukai
10	Servis yang dibuat ke atas treler termasuk tangki minyak yang dimuatkan ke atasnya yang di daftarkan di bawah seksyen 7 Akta Pengangkutan Jalan 1987.	Bercukai
11	Servis yang dibuat ke atas <i>buggy</i> . <i>Buggy</i> tidak di kategorikan sebagai kenderaan bermotor.	Tidak Bercukai
12	Servis ke atas motorsikal.	Tidak Bercukai

PUSAT SERVIS ATAU PUSAT MEMBAIKI KENDERAAN BERMOTOR		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
13	<i>Mark-up</i> atas upah bagi perkhidmatan yang disediakan oleh subkontraktor/pusat servis lain yang juga adalah pemegang lesen di bawah ACP 1975.	Bercukai
14(a)	Perkhidmatan pembaikan kenderaan milik pelanggan yang masih dalam waranti dimana pelanggan tidak dikenakan pembayaran pembaikan.	Bercukai
(b)	<i>Manufacturer's warranty</i> Contoh: Syarikat A sebagai pemegang francais menyediakan perkhidmatan servis kereta yang ada kaitan dengan perjanjian jualan kereta antara Syarikat A dengan pengeluar kereta luar negara. Bayaran ke atas '<i>manufacturing defects</i>' dan cukai perkhidmatan itu dibayar oleh pengeluar kereta luar negara bagi pihak pelanggan tempatan.	Bercukai
15	Upah atas servis oleh subkontraktor. Contoh: Sebahagian daripada perkhidmatan servis kenderaan disubkontrakkan kepada syarikat lain. Nilai perkhidmatan subkontraktor dan <i>mark-up</i> oleh kontraktor itu diambilkira dalam nilai bercukai keseluruhan.	Bercukai
16	Perkhidmatan memasang aksesori seperti radio kaset, penghawa dingin, filem cermin kereta (<i>tinted</i>), sistem penggera, tingkap berkuasa dan sistem kunci pusat.	Tidak Bercukai
17	Kos alat ganti.	Tidak Bercukai

PUSAT SERVIS ATAU PUSAT MEMBAIKI KENDERAAN BERMOTOR		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
18	Pemeriksaan kenderaan berkomputer yang tidak melibatkan pembaikan atau pemasangan alat ganti. Hanya laporan pemeriksaan kerosakan dikeluarkan.	Tidak Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI KAWALAN KESELAMATAN
(SUBTAJUK II, BUTIRAN 5, KUMPULAN G, JADUAL KEDUA, PERATURAN-
PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang ialah suatu Agensi Persendirian yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM150,000.00 bagi mana-mana satu perkhidmatan yang kena dibayar cukai atau lebih yang disebut dalam Kumpulan ini.

Peruntukan Seksyen 2 Akta Agensi Persendirian 1971

“Agensi persendirian berlesen” ertinya agensi persendirian yang dikeluarkan di bawah seksyen 3 akta agensi persendirian.

“Perniagaan agensi persendirian” ertinya perniagaan atau aktiviti yang di jalankan oleh seseorang bagi maksud.

- i. mengadakan pengawalan dan perlindungan bagi keselamatan diri orang lain atau bagi keselamatan harta atau perniagaan orang lain.

KAWALAN KESELAMATAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Penyediaan perkhidmatan pengawal atau perlindungan bagi keselamatan diri, keselamatan orang lain, harta atau perniagaan di dalam Malaysia.	Bercukai
2	Penyediaan perkhidmatan pengawal atau perlindungan untuk keselamatan orang, harta atau perniagaan di luar Malaysia. Contoh: Artis Malaysia yang menggunakan khidmat pengawal keselamatan Malaysia semasa pertunjukan di luar Malaysia.	Tidak Bercukai
3	Penyediaan perkhidmatan CMS (<i>Central Monitoring System</i>) untuk perlindungan keselamatan harta, rumah atau perniagaan yang disediakan oleh syarikat yang berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.	Bercukai

4	Penyediaan <i>auto teller machines services</i> dan perkhidmatan mengambil dan menghantar wang (<i>cash in transit</i>) CIT yang melibatkan <i>security transport services, cash management services, total records management dan monitoring services</i> .	Bercukai
5	<i>Private Investigator</i> (PI) atau penyiasat persendirian.	Tidak Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI PERKHIDMATAN
PEKERJAAN (SUBTAJUK II, BUTIRAN 6, KUMPULAN G, JADUAL KEDUA,
PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan pekerjaan yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan, samada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM150,000.00 bagi mana-mana satu perkhidmatan yang kena dibayar cukai atau lebih yang disebut dalam Kumpulan ini tidak termasuk penyediaan perkhidmatan pekerjaan dalam bentuk penempatan pekerja secara sementara (*secondment*) atau membekal pekerja untuk bekerja dengan orang lain bagi suatu tempoh masa atau penyediaan perkhidmatan pekerjaan untuk pekerjaan di luar Malaysia.

AGensi PEKERJAAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Penyediaan perkhidmatan membekal pekerja di dalam Malaysia. i. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan mencari pekerjaan kepada orang yang memerlukan pekerjaan. Cth: agensi pekerjaan atau syarikat yang bukan agensi pekerjaan swasta tetapi aktiviti mereka menyediakan perkhidmatan pekerjaan disenaraikan dalam MAA. Contoh: Syarikat ABC mempunyai sekumpulan graduan baru yang telah berdaftar untuk mendapatkan kerja. Syarikat tersebut akan mencarikan pekerjaan untuk mereka. ii. Agensi pekerjaan yang menyediakan perkhidmatan mencari atau membekalkan pekerja kepada orang lain. Agensi pekerjaan tersebut tidak menguruskan hal-hal seperti gaji, SOCSO, EPF, perubatan, tempat tinggal, pengangkutan, insurans dan lain-lain. Contoh: Syarikat yang memerlukan pekerja mendaftar dengan Syarikat ABC. Syarikat ABC akan mencari dan membekalkan pekerja yang dikehendaki.	Bercukai

AGensi PEKERJAAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	Ciri-ciri perkhidmatan membekalkan pekerja kepada orang lain adalah: - Pekerja dibekalkan kepada majikan sebagai pekerja tetap. - Majikan bertanggungjawab atas semua bayaran gaji dan kebajikan pekerja. - Pekerja diambil untuk menjalankan tugas-tugas yang ditentukan oleh majikannya. Contoh: - Agensi pekerjaan membekalkan 4 orang jurutera kepada Syarikat minyak XYZ. Jurutera tersebut menjadi pekerja tetap dan melaksanakan tugas-tugas kejuruteraan di syarikat minyak XYZ. Semua bayaran termasuk gaji dan kebajikan jurutera ditanggung oleh syarikat minyak XYZ. - Agensi pekerjaan yang membekalkan pembantu rumah.	
2(a)	Perkhidmatan membekal pekerja untuk bekerja dengan orang lain bagi satu tempoh masa. Contoh: Syarikat A yang menyediakan perkhidmatan <i>call centre</i> membekalkan pekerjanya untuk mengendalikan <i>call centre</i> syarikat B bagi suatu tempoh masa tertentu.	Tidak Bercukai
(b)	Mark-up ke atas kos termasuk upah/gaji bagi pembekalan pekerja <i>call centre</i> tersebut.	Tidak Bercukai

AGensi PEKERJAAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
3	Penempatan pekerja secara sementara (<i>secondment of staff</i>) dimana <i>secondment of staff</i> adalah bukan untuk tujuan perniagaan. Contoh: Syarikat A dan B adalah di bawah satu kumpulan syarikat. Pekerja syarikat A dihantar bekerja secara sementara dengan syarikat B. Penempatan pekerja ini adalah untuk pembelajaran, pembangunan kerjaya, melaksanakan tugas-tugas khas yang memerlukan kemahiran atau menyelesaikan sesuatu projek di syarikat B.	Tidak Bercukai
4	Penghantaran pekerja untuk menyempurnakan kerja yang dikontrakkan. Contoh: Syarikat A adalah syarikat yang mengendalikan kerja pemasangan <i>wireline</i> secara kontrak dengan syarikat carigali minyak (Syarikat B). Pekerja yang menjalankan kerja pemasangan <i>wireline</i> adalah pekerja tetap syarikat A. Syarikat B akan membayar kos pekerja tersebut mengikut kadar yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak antara Syarikat A dan Syarikat B.	Tidak Bercukai
5	Menyediakan perkhidmatan pekerjaan untuk pekerjaan di luar Malaysia.	Tidak bercukai
6	Menyediakan perkhidmatan pekerjaan untuk pelanggan di luar Malaysia bagi pekerjaan di dalam Malaysia.	Bercukai
7(a)	Caj-caj yang dikenakan oleh agensi pekerjaan:- i. Bayaran pendaftaran ii. <i>Agency fee</i>	Bercukai

AGensi PEKERJAAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
(b)	iii. <i>Mark-up</i> atau komisyen iv. Bayaran prosesan v. Bayaran kontrak vi. Caj perkhidmatan oleh agensi tempatan (cth: fi pentadbiran, komisyen) i. Bayaran levi (<i>upfront</i>) ii. Tambang ke Malaysia iii. Permit kerja (<i>upfont</i>) iv. Insurans v. Dokumentasi vi. Pemeriksaan kesihatan dlm Malaysia (<i>upon renewal</i>) vii. Tambang dalaman <i>Nota:</i> <i>Bayaran bagi item di 9(b) i hingga vii dikira sebagai disbursement jika dapat dibuktikan dengan dokumen berkaitan.</i> <i>Sekiranya kos di butiran 9 (a) dan (b) dijumlahkan sebagai satu caj ke atas perkhidmatan (lump sum) dan syarikat tidak dapat mengasingkan jenis-jenis kos seperti di atas sebagai disbursement, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas nilai keseluruhan perkhidmatan yang disediakan.</i>	Tidak Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI PERAKAUNAN
(SUBTAJUK II, BUTIRAN 7, KUMPULAN G, JADUAL KEDUA, PERATURAN-
PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang ialah seorang akauntan awam yang berdaftar dibawah undang-undang relevan yang pada masa ini berkuatkuasa.

PERAKAUNAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Perkhidmatan perakaunan, pengauditan penyimpanan kira-kira termasuk perkhidmatan perundingan yang berkaitan dengan perkhidmatan perakaunan atau pengauditan penyimpanan kira-kira oleh seorang Akauntan Berdaftar dibawah undang-undang relevan.	Bercukai
2	Penyediaan perkhidmatan perakaunan, pengauditan dan penyimpanan kira-kira (<i>book keeping</i>) oleh mana-mana orang yang bukan Akauntan Berdaftar dibawah undang-undang relevan.	Tidak bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI PEGUAM (SUBTAJUK II,
BUTIRAN 8, KUMPULAN G, JADUAL KEDUA, PERATURAN-PERATURAN
CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang ialah seorang peguam bela dan peguam cara yang berdaftar dibawah undang-undang releven yang pada masa ini berkuatkuasa.

PEGUAM		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Perkhidmatan guaman sivil / syariah yang berdaftar.	Bercukai
2	Perkhidmatan perundingan yang berkaitan dengan perkara perundangan.	Bercukai
3	Perkhidmatan pesuruhjaya sumpah yang disediakan oleh firma guaman (atau peguam bela dan peguamcara).	Bercukai
4	Perkhidmatan perundangan yang berkaitan dengan urusan pemindahan hak milik tanah, jual beli hartanah, dokumen perjanjian, pinjaman bank, perjanjian sewa beli, mendaftarkan <i>patent design and trademark</i> , mengeluarkan <i>bill of demand</i> dan <i>contingency fee</i> .	Bercukai
5	Perkhidmatan perundangan termasuk perkhidmatan perundingan tentang perkara perundangan berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau berkaitan dengan perkara pokok yang tiada kaitan dengan Malaysia.	Tidak Bercukai

PEGUAM		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
6	Perkhidmatan perundangan yang disediakan berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia.	Tidak Bercukai
7	Perkhidmatan perundangan yang disediakan berkaitan dengan perkara pokok bagi kes sivil atau kriminal yang berlaku di luar Malaysia.	Tidak Bercukai
8	Perkhidmatan perundangan yang disediakan kepada orang yang berada di luar Malaysia berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di Malaysia.	Bercukai
9	<i>Disbursement</i> –Tuntutan perjalanan, makan, tempat tinggal, fotostat, telefon faks, bayaran pos dan duti setem bagi surat perjanjian.	Tidak Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI JURUTERA
PROFESIONAL (SUBTAJUK II, BUTIRAN 9, KUMPULAN G, JADUAL KEDUA,
PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang ialah seorang jurutera profesional yang berdaftar dibawah undang-undang relevan yang pada masa ini berkuatkuasa.

JURUTERA PROFESIONAL Undang- undang yang berkaitan adalah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Registration of Engineers Act, 1967) Akta (138)		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Perkhidmatan perundingan kejuruteraan yang di sediakan oleh firma kejuruteraan yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.	Bercukai
2	Penyediaan perkhidmatan kejuruteraan profesional. <i>(Ruj: Sec. 4(d), Registration of Engineers Act 1967- melalui Notification)</i>	Bercukai
3	<i>Disbursement</i> – Mencetak pelan, tuntutan perjalanan, makan, tempat tinggal, fotostat, telefon faks, bayaran pos dan duti setem bagi surat perjanjian. <i>(ruj: Registration of Engineers Act 1967)</i>	Tidak Bercukai
4	<i>Mark-up</i> on perkhidmatan kejuruteraan profesional. Contoh : Syarikat kejuruteraan A memberi perkhidmatan kejuruteraan kepada syarikat B (pelanggan). Dalam perkhidmatan tersebut syarikat A perlu mendapatkan perkhidmatan daripada syarikat C (Syarikat A memberi sub-kontrak kepada syarikat C). Caj yang dikenakan oleh syarikat C kepada A adalah RM10,000 dan CP pada kadar 6% sebanyak RM600.00. Apabila A caj kepada B, A telah menokok RM15,000.00 menjadikan caj	Bercukai

JURUTERA PROFESIONAL
Undang- undang yang berkaitan adalah Akta Pendaftaran Jurutera 1967
(Registration of Engineers Act, 1967)
Akta (138)

BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	keseluruhan kepada B sebanyak RM25,600. (mark up RM15,000). <i>Mark up</i> ini dikenakan CP pada kadar 6%.	
5 (a)	Yuran penyeliaan (<i>supervision fee</i>) bagi <i>placement of staff / secondment of staff at site</i> .	Bercukai
(b)	<i>Secondment of staff</i> yang dibekalkan oleh jurutera perunding bagi penyediaan perkhidmatan kejuruteraan.	Bercukai
6	<i>Site Supervision</i> <i>Site supervision services where the site staff are specially recruited by the consulting engineer for a particular project or are sent from his own design office.</i> <i>Nota: rujuk "Supervision On Site", Part A, Notification, (Registration of Engineers Act, 1967) Akta (138)</i>	Bercukai
7	Elaun Tapak (Site Allowance) Elaun yang dibayar terus kepada pekerja sebagai ganti rugi kepayahan kerana berada di luar kawasan atau meninggalkan rumah.	Tidak Bercukai
8	Perkhidmatan oleh jurutera perunding berkenaan <i>Groundwater Exploration For The Assessment of Water Supply Including:-</i> <i>i) Deep boring through soil</i> <i>ii) Installation of PVC casing</i> <i>iii) Pumping and recharging test in test well</i> <i>iv) Testing of water sample</i> <i>v) Prepare engineering analysis on test data</i> <i>vi) Groundwater exploration report.</i> <i>vii)</i> <i>Nota:</i> <i>Lembaga Jurutera Malaysia telah mengesahkan kerja-kerja di atas termasuk di bawah definisi 'cost of</i>	Bercukai

JURUTERA PROFESIONAL
Undang- undang yang berkaitan adalah Akta Pendaftaran Jurutera 1967
(Registration of Engineers Act, 1967)
Akta (138)

BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	<i>works' bagi maksud 'the cost of geotechnical investigations' yang merupakan fungsi perkhidmatan kejuruteraan dibawah Registration of Engineers Act 1967</i>	
9	Perkhidmatan <i>soil testing</i> yang disediakan oleh jurutera.	Bercukai
10	Perkhidmatan kejuruteraan bagi projek yang berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia. Contoh 1: Sebuah syarikat yang berdaftar di Singapura menggunakan perkhidmatan kejuruteraan yang berdaftar di Malaysia untuk mendirikan sebuah bangunan di Singapura. Contoh 2: Sebuah Syarikat di Malaysia menggunakan perkhidmatan firma kejuruteraan yang berdaftar di Malaysia untuk mendirikan bangunannya yang akan dibina di Afrika Selatan.	Tidak Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI ARKITEK PROFESIONAL
(SUBTAJUK II, BUTIRAN 10, KUMPULAN G, JADUAL KEDUA, PERATURAN-
PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang ialah seorang arkitek yang berdaftar dibawah undang-undang relevan yang pada masa ini berkuatkuasa.

ARKITEK Architects Act 1967 – Act (117)		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Penyediaan perkhidmatan senibina termasuk perkhidmatan perundingan profesional. <i>Ruj: Perkhidmatan perundingan professional Sec. 2 Architects Act 1967 – Act (117)</i>	Bercukai
2	<i>Disbursement</i> /Pembayaran Berganti Balik (<i>Reimbursement</i>) – i) Mencetak dokumen berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai seperti pelan, tuntutan perjalanan, makan, tempat tinggal, fotostat, telefon, faks, bayaran pos. ii) Bayaran wajib yang dikenakan dibawah undang-undang lain contohnya - duti setem, cukai dan levi kerajaan bagi surat perjanjian. Bayaran <i>disbursement</i> di (i) dan (ii) hendaklah dinyatakan secara berasingan dalam inouis.	Tidak Bercukai
3	Penyediaan perkhidmatan senibina untuk projek yang terletak di luar Malaysia. Contoh 1: Sebuah syarikat yang berdaftar di Mesir menggunakan perkhidmatan senibina yang berdaftar di Malaysia untuk mendirikan sebuah bangunan di Mesir.	Tidak Bercukai

ARKITEK
Architects Act 1967 – Act (117)

BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	Contoh 2: Sebuah syarikat di Malaysia menggunakan perkhidmatan firma senibina yang berdaftar di Malaysia untuk mendirikan bangunannya yang akan dibina di Dubai.	
4	<i>Clerk of Work for Architects.</i> Personel yang ditempatkan di tapak projek untuk memantau perjalanan dan melaporkan perkembangan projek kepada pelanggan dan arkitek.	Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI JURUKUR
BERLESEN/BERDAFTAR TERMASUK PENILAI PENAFSIR ATAU EJEN
HARTANAH BERDAFTAR DI BAWAH UNDANG-UNDANG RELEVAN.
(SUBTAJUK II, BUTIRAN 11, KUMPULAN G, JADUAL KEDUA, PERATURAN-
PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan jurukur berlesen atau berdaftar termasuk penilai, penaksir atau ejen hartanah berdaftar yang dilesenkan atau didaftarkan dibawah undang-undang relevan yang pada masa ini berkuatkuasa kecuali penyediaan perkhidmatan yang dibekalkan itu berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia.

PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENILAI, MENAKSIR DAN AGENSI HARTANAH 1) LICENSED LAND SURVEYORS ACT 1958 (ACT 458) 2) QUANTITY SURVEYORS ACT 1967 (ACT 487) 3) VALUERS, APPRAISERS AND ESTATE AGENTS ACT 1981 (ACT 242)		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Perkhidmatan mengukur, penilaian, penaksiran, agensi hartanah atau perundingan professional berkaitan dengan barang atau tanah di dalam Malaysia.	Bercukai
2	Perkhidmatan mengukur, penilaian, penaksiran, agensi hartanah atau perundingan professional berkaitan dengan barang atau tanah di luar Malaysia.	Tidak Bercukai
3	Perkhidmatan Jurukur Tanah Berlesen <i>i. Cadastral Survey / (Ukuran Hakmilik Tanah.</i> <i>ii. Strata Title Survey / (Ukuran Hakmilik Strata.</i> <i>iii. Stratum Title Survey / (Ukuran Hakmilik Stratum; dan lain-lain kerja Sains Ukur seperti berikut:-</i> <i>iv. Deformation Survey / (Ukuran Canggaaan)</i> <i>v. Engineering Survey/ (Ukuran Kejuruteraan)</i> <i>vi. Hydrographic Survey / (Ukuran Hidrografi)</i>	Bercukai

PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENILAI, MENAKSIR DAN AGENSI HARTANAH 1) LICENSED LAND SURVEYORS ACT 1958 (ACT 458) 2) QUANTITY SURVEYORS ACT 1967 (ACT 487) 3) VALUERS, APPRAISERS AND ESTATE AGENTS ACT 1981 (ACT 242)		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	vii. <i>Topographical Survey/ (Ukuran Topografi)</i> viii. <i>Photogrammetry Mapping/ (Pemetaan Fotogrammetri)</i> ix. <i>Remote Sensing/ (Penderiaan Jauh)</i> x. <i>Geodetic Surveying and Position Fixing/ (Pengukuran Goedesi)</i> xi. <i>GIS/LIS and Spatial Information Acquisition and Management.</i> xii. <i>Gravity Survey/ (Ukuran Graviti).</i> <i>Ruj: Licensed Land Surveyors Act 1958</i>	
4	Perkhidmatan penilai berdaftar. i. Menilai hartanah bagi maksud Cagaran dan Gadaian. ii. Menilai hartanah bagi maksud pengambilan balik tanah. iii. “Akta Pengambilan Balik Tanah 1960” iv. Menilai hartanah bagi maksud serahan kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC) v. Menilai jentera, mesin, kenderaan dan peralatan bermotor (“<i>Plant Machinery</i>”) vi. Menilai hartanah bagi maksud kadaran. vii. Menilai/menentukan nilai sewaan hartanah. viii. Menilai hartanah bagi maksud kadaran untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Bercukai

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENILAI, MENAKSIR DAN AGENSI
HARTANAH**

1) LICENSED LAND SURVEYORS ACT 1958 (ACT 458)

2) QUANTITY SURVEYORS ACT 1967 (ACT 487)

3) VALUERS, APPRAISERS AND ESTATE AGENTS ACT 1981 (ACT 242)

BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
5(a)	Perkhidmatan Ejen Hartanah Berdaftar • Menguruskan sesebuah hartanah seperti pengurusan, urusan penyewaan serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan terhadap bangunan seperti yang di kehendaki oleh pemilik bangunan. • <i>Management and control of any land , building and any interest therein on behalf of the owner for a fee and includes but not limited to the following responsibilities;</i> a) <i>Monitoring outgoings for the property and making payments out of the income from the property.</i> b) <i>Preparing budgets and maintaining the financial records for the property.</i> c) <i>Enforcing the terms of leases and other agreement pertaining to the property.</i> d) <i>Advising on sale and purchase decision.</i> e) <i>Advising on insurance matters.</i> f) <i>Advising on the opportunities for the realization of development or investment potential of the property and</i> g) <i>Advising on the necessity for upgrading the property or for the merging of interests.</i> <i>Ruj: Valuers, Appraisers And Estate Agents Act 1981 (Act 242)</i>	Bercukai
(b)	Perkhidmatan penyelenggaraan bangunan. (<i>rujuk bil.11 dibawah Perkhidmatan Pengurusan</i>)	Dikecualikan

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENILAI, MENAKSIR DAN AGENSI
HARTANAH**

1) LICENSED LAND SURVEYORS ACT 1958 (ACT 458)

2) QUANTITY SURVEYORS ACT 1967 (ACT 487)

3) VALUERS, APPRAISERS AND ESTATE AGENTS ACT 1981 (ACT 242)

BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
6	Perkhidmatan jurukur bahan perunding berdaftar(<i>Quantity Surveyors</i>): Perkhidmatan Asas i. Penyediaan anggaran kos permulaan dan kos perancangan pembangunan projek. ii. Khidmat nasihat ke atas anggaran kos reka bentuk pembangunan projek. iii. Khidmat nasihat ke atas perolehan, tender dan urusan prosedur kontrak. iv. Penyediaan "<i>Bill of Quantities</i>" atau spesifikasi untuk tujuan tender. v. Urusan tawaran tender (<i>Calling of tenders</i>). vi. Penilaian ke atas laporan tender yang diterima. vii. Penyediaan dan pelaksanaan kontrak. viii. Penyelesaian akaun terakhir projek. Perkhidmatan Tambahan (<i>Supplementary</i>) ix. Penyediaan kajian kebolehlaksanaan (<i>feasibility</i>) sesuatu projek. x. Menyediakan anggaran aliran tunai perbelanjaan pembangunan dan pendapatan bagi projek. xi. Penilaian ke atas kontraktor berdaftar untuk tujuan pra kelayakan (<i>pre-qualifications</i>). xii. Kajian perbandingan kos projek semasa peringkat rekabentuk. xiii. Pengurusan pembinaan projek. xiv. Kajian kos jangka hayat dan nilai ekonomik rekabentuk alternatif. (<i>life-cycle costing and studies on economics of</i>	Bercukai

PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENILAI, MENAKSIR DAN AGENSI HARTANAH 1) LICENSED LAND SURVEYORS ACT 1958 (ACT 458) 2) QUANTITY SURVEYORS ACT 1967 (ACT 487) 3) VALUERS, APPRAISERS AND ESTATE AGENTS ACT 1981 (ACT 242)		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	<i>alternative design.</i>) xv. Penetapan harga "<i>Bills of Quantities</i>" dan Jadual Kadar yang dipersetujui. xvi. Penilaian dan pengauditan ke atas tuntutan yang melibatkan kes litigasi dan timbangtara. xvii. Pengauditan ke atas kontrak, bajet dan perbelanjaan berkaitan. xviii. Menggunapakai perkhidmatan jurukur bahan dalam kontrak "<i>turnkey project</i>" atau penswastaaan.	
7	Perunding Hartanah dan Jurukur Penilai. 1. Penilaian harta (<i>property valuation</i>). 1.1. Harta mudah alih (<i>asset valuation</i>). • Tawaran/terbitan saham • Perancangan korporat / pengstrukturatan semula. • Penyata kewangan dan akaun-akaun berkaitan. • Pengkorporatan dan penswastaaan. 1.2. Harta tidak alih (<i>Statutory valuations</i>) • Pengambilalihan tanah. • Rayuan pengurangan penilaian, duti setem, <i>real property gain tax</i>, <i>conversion premium and alienation premium</i>. 1.3. Lain-lain. • Jualan atau belian. • Sekuriti pinjaman, gadaian, debentur. • <i>Foreclosure</i>.	Bercukai

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENILAI, MENAKSIR DAN AGENSI
HARTANAH**

- 1) LICENSED LAND SURVEYORS ACT 1958 (ACT 458)**
- 2) QUANTITY SURVEYORS ACT 1967 (ACT 487)**
- 3) VALUERS, APPRAISERS AND ESTATE AGENTS ACT 1981 (ACT 242)**

BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	• <i>Court reference or litigation.</i> • Timbangtara. • Menetapkan sewa atau kaji semula. 2. Pengurusan Harta benda (Property Management) • <i>Efficient housekeeping</i> –penyelenggaraan bangunan bagi memastikan keadaan bangunan berada dalam keadaan baik. <i>(Dikecualikan: rujuk bil. 11 dibawah perkhidmatan pengurusan)</i> • Urusan penetapan dan kutipan sewaan. • Kawalan perbelanjaan. 3. Kajian Pasaran / Kebolehlaksanaan. •Perkhidmatan Informasi Harta (<i>Property Information Services</i>) - Mengumpul maklumat, membuat analisis dan laporan bagi tujuan penilaian <i>trend</i> pasaran harta. •Kajian dan Penganalisaan Pasaran. (<i>Market Research and Analysis</i>). - Termasuk kajian permintaan dan penawaran dan lain-lain kajian. •Kajian Kebolehlaksanaan (<i>Feasibility Studies.</i>) - Termasuk analisis risiko kewangan dan pelaburan, analisis strategi pembangunan dan lain-lain. 4. Pengurusan Projek •Pengurusan projek dan koordinasi meliputi perancangan, tahap pembinaan termasuk penyediaan akaun terakhir. •Fasa Pra-pembinaan - Pemilihan pasukan profesional yang terdiri daripada arkitek, jurutera,	

**PERKHIDMATAN MENGUKUR, MENILAI, MENAKSIR DAN AGENSI
HARTANAH**

- 1) LICENSED LAND SURVEYORS ACT 1958 (ACT 458)**
- 2) QUANTITY SURVEYORS ACT 1967 (ACT 487)**
- 3) VALUERS, APPRAISERS AND ESTATE AGENTS ACT 1981 (ACT 242)**

BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	jurukur bahan dan kontraktor. • Fasa pembinaan. - Pengawalan bajet, kos dan jadual seperti dalam kontrak. • Kawalan kewangan. - Mengawal kewangan dengan mewujudkan carta aliran tunai. • Kawalan kualiti. • Memastikan bangunan siap dibina mengikut spesifikasi. Semua kecacatan didokumenkan untuk pembaikan. 5. Agensi. • Sewa / sewa beli • Jual / beli • Perundingan pelaburan • Pemasaran <i>Nota :</i> <i>Bagi lain-lain perkhidmatan yang tidak disenaraikan sila rujuk kepada Kontrak/ Perjanjian.</i>	

SENARAI PERKHIDMATAN DALAM KATEGORI PERUNDINGAN (SUBTAJUK II, BUTIRAN 12, JADUAL KEDUA, KUMPULAN G, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)

PERUNDINGAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Penyediaan semua jenis perkhidmatan perundingan yang berkaitan dengan tanah, barang atau lain-lain perkara di dalam Malaysia. Contoh: Sebuah syarikat perunding di Malaysia memberi khidmat nasihat berkaitan pembangunan harta tanah Malaysia kepada syarikat pelaburan di China.	Bercukai
2	Penyediaan semua jenis perkhidmatan perundingan yang berkaitan dengan tanah, barang atau lain-lain perkara di luar Malaysia. Contoh: Sebuah firma perunding di Malaysia memberi khidmat perunding kepada syarikat di Malaysia untuk pembangunan harta tanah di Vietnam.	Tidak Bercukai
3	Syarikat penyelidikan dan kemajuan kontrak di bawah seksyen 2 Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 [Akta 327] (Sijil Pengesahan di keluarkan oleh MIDA)	Tidak Bercukai
4	Institut penyelidikan yang diluluskan di bawah seksyen 34B Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53]. (Sijil pengesahan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia)	Tidak Bercukai
5	Perkhidmatan perundingan yang disediakan oleh <i>image consultant</i> .	Bercukai
6	Penyediaan perkhidmatan perundingan dan pendaftaran hak cipta paten dan harta intelek.	Bercukai

PERUNDINGAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
7	Penyediaan perkhidmatan perundingan yang berhubungan dengan rawatan perubatan dan pembedahan yang disediakan oleh klinik persendirian atau klinik pakar.	Tidak Bercukai
8(a)	Perkhidmatan Perundingan “ <i>Quality Assurance</i> ” - yang berkaitan dengan sistem yang digunapakai oleh organisasi dalam semua aktiviti melibatkan reka bentuk, pemasaran, pengeluaran dan perkhidmatan selepas jualan seperti ISO 9000, ISO9002 dsb. Contoh: Perkhidmatan perundingan seperti Pensijilan ISO oleh syarikat perunding ISO.	Bercukai
(b)	Hanya pembaharuan sijil seperti sijil ISO	Tidak Bercukai
9(a)	Khidmat perundingan dalam industri komputer. - Pembelian komputer - Pembangunan program/perisian - Pembangunan pelaksanaan perisian - Pemilihan sistem integrasi - Pengurusan sistem maklumat komputer - Menggubal strategi teknologi maklumat - Lain-lain perundingan yang berkaitan dengan projek komputer.	Bercukai
(b)	Perkhidmatan membekal, menguji peralatan komputer, latihan dan menyelenggara perisian dan perkakasan.	Tidak Bercukai
10	Yuran perkhidmatan perundingan berbentuk nasihat teknikal/pakar berhubung “ <i>syariah advisory service</i> ”. Contoh: Perkhidmatan perundingan berkaitan produk perbankan Islam.	Bercukai

PERUNDINGAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
11	Penyediaan <i>Research Report</i> untuk makluman umum.	Tidak Bercukai
12	Perkhidmatan perundingan yang disediakan oleh syarikat perunding asing jika: • Mempunyai pejabat atau premis di Malaysia dan • Berdaftar dengan SSM atau badan profesional tertentu di Malaysia atau pun • Mempunyai ejen (syarikat yang berdaftar dengan SSM/Badan Profesional) yang dilantik untuk bertindak bagi pihak syarikat perunding asing.	Bercukai

PENGURUSAN :

KATEGORI PENGURUSAN (SUBTAJUK II, BUTIRAN 13, JADUAL KEDUA, KUMPULAN G, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)

Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan pengurusan bagi penyediaan semua jenis perkhidmatan pengurusan termasuk pengurusan atau penyelarasan projek adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali berkaitan barang atau tanah atau perkara-perkara selain dari barang atau tanah di luar Malaysia.

PENGURUSAN		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
1	Perkhidmatan pengurusan aset termasuk pengurusan dana dan kewangan. Pengurusan dana dan harta dikecualikan. (Pengurusan harta meliputi <i>receivers and liquidators, trustees, management of estate duty</i>; Pengurusan dana meliputi pembelian dan penjualan saham, waran, bon, dll; penyimpanan wang (savings) seperti (unit trust, bank saving, trust fund.)	Dikecualikan cukai mulai 1 Januari 2010
2(a)	Perkhidmatan pentadbiran / pemegang amanah harta dan penjagaan wasiat harta, pakej perkhidmatan pentadbiran harta pusaka dan perkhidmatan amanah hayat, pendidikan, saraan, korporat, kebajikan dan amanah insurans	Tidak Bercukai
(b)	Perkhidmatan penulisan, penjagaan dan penyimpanan wasiat	Tidak Bercukai
3(a)	Perkhidmatan pengurusan kemasukan bakal-bakal pelajar dari luar negeri ke pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia	Bercukai
(b)	Perkhidmatan pengurusan kemasukan bakal-bakal pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi di luar negara	Tidak Bercukai

PENGURUSAN		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
4(a)	Penyediaan perkhidmatan pengurusan secara <i>outsourcing</i> oleh pihak ketiga. Sebagai contoh: i) Syarikat A mengurus sistem IT syarikat B secara kontrak. ii) Syarikat M mengurus operasi syarikat K secara <i>outsourcing</i>.	Bercukai
(b)	Perkhidmatan membangunkan sistem IT (termasuk pembangunan <i>website</i>) yang melibatkan khidmat runding dan pengurusan meliputi 4 fasa iaitu <i>feasibility studies, architecture design, implementation (hardware and software) & maintenance</i> (dalam tempoh jaminan projek) sebagai satu projek termasuk projek-projek tambahan / lanjutan.	Bercukai
(c)	Penyediaan perkhidmatan pengurusan IT secara <i>outsourcing</i> atas perkhidmatan sokongan seperti <i>help desk services, data centre services, end user support services, data network services, disaster recovery services & security control services</i>. Contoh: i) Syarikat X menyediakan perkhidmatan <i>call centre</i> bagi Syarikat Y, J dan mana-mana syarikat lain ii) Syarikat K menyediakan perkhidmatan <i>data centre service</i> kepada syarikat-syarikat X,Y dan Z	Tidak Bercukai
(d)	Penjualan <i>Readymade Software</i> dan penyediaan perkhidmatan mengubahsuaian, meminda, memasang (<i>implementation</i>) dan menyelenggara.	Tidak Bercukai
(e)	Penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan dan khidmat sokongan IT (<i>maintenance and support services</i>) contoh: i) Perkhidmatan penyewaan <i>hardware and software</i>	Tidak Bercukai

PENGURUSAN		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
	ii) Penyewaan dan penyelenggaraan <i>server (server hosting)</i> iii) <i>Maintenance services</i> untuk <i>technical and functional support</i> .	
5	Penyediaan perkhidmatan pengurusan projek (<i>project consultant</i>).	Bercukai
6(a)	Penyediaan perkhidmatan pengurusan, perakaunan, kejuruteraan, guaman, seni bina, hartanah, perundingan yang diberi kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama menepati syarat <i>intra-group</i> mengikut Jadual Kedua (Peraturan 3 dan 4) para 5 Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975.	Tidak Bercukai
(b)	Jika perkhidmatan yang dinyatakan di para 6(a) juga diberi kepada mana-mana orang diluar kumpulan syarikat, perkhidmatan tersebut menjadi bercukai sama ada perkhidmatan tersebut diberi kepada syarikat di dalam kumpulan atau syarikat di luar kumpulan.	Bercukai
7(a)	Penyediaan perkhidmatan mengurus program latihan oleh pihak ketiga.	Bercukai
(b)	Penganjuran program latihan.	Tidak Bercukai
8	Penyediaan perkhidmatan pengurusan ehwal kesetiausahaan syarikat oleh Setiausaha Syarikat (<i>Company Secretary</i>).	Bercukai
9	Penyediaan perkhidmatan pengurusan acara (<i>Event Management</i>).	Bercukai

PENGURUSAN		
BIL	PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN	STATUS CUKAI
10	Perkhidmatan ' <i>debt collection and receivables management services</i> '	Bercukai
11	Perkhidmatan penyelenggaraan bangunan yang meliputi: • Menjaga kebersihan bangunan • Penyelenggaraan lif • Bekalan elektrik • Air • Kerosakan • Keselamatan melalui penggajian iaitu <i>in house security</i> dimana ia bukan perkhidmatan kawalan keselamatan yang diperoleh daripada syarikat kawalan keselamatan berdaftar.	Dikecualikan cukai
12	Perkhidmatan sewaan khemah/ <i>booth, PA system, MC, performer</i> (penari/penyanyi/pelawak)	Tidak Bercukai
13(a)	Perkhidmatan pengurusan penggudangan yang komprehensif meliputi aktiviti <i>rekupmen bekalan, penggudangan, penyelenggaraan, simpan selamat, pesanan, pembungkusan dan penghantaran</i>	Bercukai
(b)	Perkhidmatan sewa gudang.	Tidak Bercukai
14	Perkhidmatan ' <i>loan syndication</i> '.	Tidak Bercukai
15	Penyediaan perkhidmatan pengurusan (pengurusan dan <i>accounting</i>) yang dibekalkan ke luar negara.	Tidak Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI KERETA SEWA
(SUBTAJUK III, BUTIRAN 2, KUMPULAN G, JADUAL KEDUA, PERATURAN-
PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan kereta sewa dan pandu dan kereta sewa yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan samada digabung atau tunggal lebih daripada RM300,000.00.

KERETA SEWA		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Penyediaan kereta sewa dan pandu atau kereta sewa dengan atau tanpa pemandu di Semenanjung Malaysia yang dilesenkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 bagi Sabah dan Sarawak tidak termasuk penyediaan kereta sewa dan pandu yang ditakrifkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 yang dikendalikan oleh pengusaha pelancongan yang berdaftar di bawah Akta Industri Pelancongan 1992. <u>Perkhidmatan yang kena dibayar cukai</u> i. Sewa harian / mingguan (jangka pendek) ii. Sewa Bulanan / tahunan (jangka panjang) iii. Sewaan secara kontrak cth: kepada syarikat untuk kegunaan pengurus, jurutera dll. iv. Sewaan secara kontrak kerajaan cth: SPANCO v. Sewaan untuk persidangan. <u>Caj yang tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan</u> i. Bayaran sewa kenderaan (masa/perbatuan). ii. Bayaran perkhidmatan pemandu. iii. Bayaran <i>drop off/delivery</i> (caj yang dikenakan atas pemulangan kereta sewa di tempat lain dari tempat asal ia diambil.) iv. Bayaran <i>child-seat</i>. v. Lain-lain bayaran berkenaan penyediaan perkhidmatan kereta sewa dan pandu.	

KERETA SEWA		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	<u>Jenis Kenderaan.</u> Jenis kenderaan kereta sewa dan kereta sewa dan pandu adalah kenderaan penumpang seperti kereta sedan/saloon, van, MPV, 4WD dan mana-mana kenderaan muatan duduknya tidak melebihi 12 orang termasuk pemandu. <u>Takrifan</u> a) Untuk Semenanjung Malaysia: Perkhidmatan kereta sewa dan pandu dan kereta sewa dengan atau tanpa pemandu yang dilesenkan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715). Jadual 1 <i>“hire car” means a motor vehicle having a seating capacity of not more than 6 person or in areas approved by the Commision, twelve persons (in all cases including the driver) used for carrying persons on one journey in consideration of separate payment made by them.</i> <i>“hire and drive car ” means a motor vehicle let on hire for the purpose of being driven by the hirer or his nominee.</i> Jadual 2 <i>“hire and drive car for tourist” means a motor vehicle let on hire for the purpose of being driven by the hirer or its nominee whether a tourist or not, and used exclusively for the conveyance of a tourist or tourists.</i> b) Untuk Sabah dan Sarawak masih digunapakai: Perkhidmatan kereta sewa dan pandu dan kereta sewa dengan atau tanpa pemandu yang dilesenkan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Maksud kereta sewa dan pandu/ kereta sewa di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. a. Kereta sewa dan pandu ertinya kenderaan motor yang	

KERETA SEWA		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	di sewakan bagi maksud dipandu oleh penyewa atau penamanya. b. Kereta sewa ertinya kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi 6 orang atau, dalam kawasan yang di benarkan oleh Lembaga, 12 orang (dalam semua keadaan termasuk pemandunya) yang di gunakan untuk membawa penumpang pada satu perjalanan sebagai balasan kepada bayaran berasingan yang dibuat oleh mereka.	
2	Penyediaan kereta sewa dan pandu yang ditakrifkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 yang dikendalikan oleh pengusaha pelancongan yang berdaftar di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.	Tidak Bercukai
3	Perkhidmatan sewa lori, bas atau kenderaan selain kereta sewa	Tidak Bercukai
4	Perkhidmatan kereta sewa yang disediakan oleh hotel atau <i>airport limousine</i> yang didaftarkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999.	Tidak Bercukai

**SENARAI PERKHIDMATAN DI BAWAH KATEGORI PENGIKLANAN
(SUBTAJUK III, BUTIRAN 3, KUMPULAN G, JADUAL KEDUA, PERATURAN-
PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 1975)**

Mana-mana orang, agensi kerajaan atau agensi separuh kerajaan yang mengendalikan atau menyediakan perkhidmatan pengiklanan yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan, samada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM300,000

PENGIKLANAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
1	Perkhidmatan menyiarkan atau menghebahkan sesuatu perkara atau produk melalui media elektronik atau media cetak untuk menarik perhatian umum/pelanggan bagi tujuan promosi.	Bercukai
2	Perkhidmatan menyediakan kerja kreatif, grafik dan penulisan, rekabentuk (perundingan, perancangan, kajian dan cadangan) yang berkaitan dengan pengiklanan.	Bercukai
3	Kerja grafik/ kerja kreatif yang dibuat oleh pengilang/ pengeluar/pencetak sebagai sebahagian daripada proses pengilangan produk pengiklanan. Contoh: Syarikat pengeluar papan tanda dan syarikat percetakan. Pelanggan tidak dikenakan caj untuk idea kreatif/grafik tersebut kerana nilainya telah dimasukkan dibawah penilaian CJ ke atas papan tanda tersebut. <i>Nota: Pengilang / pengeluar / pencetak tertakluk kepada cukai jualan sekiranya barang keluaran bercukai jualan.</i>	Tidak Bercukai
4	Penyediaan perkhidmatan pengiklanan yang disediakan oleh syarikat penerbitan. Contoh: Syarikat A adalah sebuah syarikat penerbit dan pencetak. Syarikat A menerbitkan majalah untuk	Bercukai

PENGIKLANAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
	sebuah Jabatan kerajaan. Peranan syarikat A adalah sebagai agensi media cetak. Syarikat A bertanggungjawab untuk mengenakan dan mengutip cukai perkhidmatan daripada pelanggan termasuk jabatan kerajaan yang mengiklankan produk di dalam majalah yang diterbitkan oleh syarikat A.	
5	<i>Mark-up</i> yang dikenakan oleh agensi pengiklanan.	Bercukai
6	Aktiviti menyewakan peralatan dan ruang untuk tayangan iklan. Contoh 1: KTM menyewakan ruang (dinding, gerabak 'luar/dalam', terminal) kepada syarikat pengiklanan (pemegang lesen CP). Melalui perjanjian, syarikat pengiklanan tersebut diberi hak untuk menggunakan peralatan dan ruang berkaitan bagi aktiviti pengiklanan. Penyewaan ruang dan peralatan oleh KTM tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Syarikat pengiklanan tersebut akan memasang <i>billboard</i> / <i>screen</i> / panel dsb dan mengenakan caj kepada pelanggan mereka untuk memaparkan iklan. Syarikat pengiklanan menjadi <i>media house</i> dan perkhidmatan berkenaan tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Contoh 2: PBT menyediakan ruang papan iklan untuk disewakan kepada sesiapa yang ingin mengiklankan produk mereka. PBT mengenakan caj ke atas sewaan ruang tersebut. PBT telah menjadi <i>media house</i> untuk memaparkan iklan.	Tidak Bercukai Bercukai Bercukai
7	Komisyen yang diterima oleh syarikat / agensi pengiklanan berlesen CP.	Bercukai

PENGIKLANAN		
BIL	PERKHIDMATAN DISEDIAKAN	STATUS BERCUKAI
8	Percetakan bahan pengiklanan seperti brosur, <i>newsletter, banner, bunting</i>, profil syarikat dan lain-lain. (<i>printers</i>) <i>Nota: Aktiviti pengilangan tertakluk kepada CJ jika barang bercukai jualan.</i>	Tidak Bercukai
9	Pembuatan dan pemasangan tapak pengiklanan <i>billboard</i> dan papan ruang iklan.	Tidak Bercukai
10	Pembuatan atau pembikinan gambar, video dan filem. (<i>Production house</i>)	Tidak Bercukai
11	Perkhidmatan pengiklanan melalui media elektronik dan media cetak seperti internet, televisyen, wayang, radio, <i>billboard, light boxes, taxi / bus panel</i> , hentian bas, majalah, brosur, <i>mailing, yellow pages</i> dan lain-lain.	Bercukai
12	Perkhidmatan demonstrasi produk oleh promoter sementara di pasaraya.	Tidak Bercukai
13	Perkhidmatan <i>telemarketing</i> (Telesale). Penjualan produk melalui telefon.	Tidak bercukai

